

INTERCHANGE

KE ARAH MASYARAKAT YANG BERGERAK MAJU



JANUARI - JUN
2017
PP19210/07/2017(034750)

MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG DILANCARKAN!


LATIH AMAL KECEMASAN TEROWONG MRT 12
SESI TAKLIMAT MRT LALUAN SSP UNTUK PARA AHLI PARLIMEN, AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN MAJLIS PBT 18

PENGARANG



Dato' Najmuddin Abdullah

PENULIS



Leong Shen-Li




Ean Yaacob



Wallace Soh Chun Hwei




Khairul Azlee




Nik Haizan



Nur Amalina



Rizal Redzuan




Ezreen Siti Juliana




Suzy Kubong



Fakhrurrazi



Puteri Nur Atika Dayana



Deena Nurleen

FOTOGRAFI



Johan



Wan Aznoor



Hazwan

PENERBIT & REKA BENTUK

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
Tingkat 5, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

PENCETAK

AZ SIGNS MARKETING SDN BHD (565783-P)
5, Lorong Teknologi A, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

PUSAT INFORMASI MRT

PUSAT INFORMASI MRT JALAN SULTAN AZLAN SHAH
Unit A-2-8, Viva Mall,
No. 378 Jalan Sultan Azlan Shah,
51200 Kuala Lumpur.

PUSAT INFORMASI MRT SERI KEMBANGAN
D-11-G, Jalan Atmosphere 7,
Pusat Perniagaan The Atmosphere,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan

Isnin - Jumaat: **9:00pagi - 6:00petang**

Hari Minggu & Cuti Umum: **TUTUP**

IBU PEJABAT KORPORAT MRT

MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (902884-V)
Tingkat 5, Menara I & P1, No. 46, Jalan Dungun,
Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Kami mengalu-alukan pertanyaan dan cadangan anda.
Sila hantar ke **feedback@mymrt.com.my**
TALIAN BANTUAN 24 JAM

1800 82 6868



MRTMALAYSIA

www.mymrt.com.my

DALAM ISU INI

RENCANA

04 MRT LALUAN SUNGAI BULOH – KAJANG DILANCARKAN!
07 STESEN-STESEN MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG
TEMPAT LETAK KENDERAAN
TIKET
10 LATIH AMAL KECEMASAN TEROWONG MRT
11 KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PEMANDU MELAWAT MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG
KEMPEN DERMA DARAH MRT
LAWATAN KERJA PENGERUSI MRT CORP
12 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SPAD MELAWAT PROJEK MRT
TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MELAWAT STESEN KAJANG
13 PERSIDANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PERKERJAAN 2017
PENUMPANG MRT YANG KESEJUTA
14 WAKIL KEDUTAAN ASING MELAWAT KUARTERS PEKERJA MRT
DELEGASI DARI ARAB SAUDI MELAWAT PROJEK MRT
15 JEJANTAS STESEN MRT SURIAN-SUNWAY NEXIS DIBUKA SECARA RASMI
PAMERAN MEMACU AGENDA BUMIPUTERA 2017

KEMAJUAN PROJEK

16 MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA (SSP)

HAL-EHWAL PIHAK BERKEPENTINGAN

18 SESI TAKLIMAT MRT LALUAN SSP UNTUK PARA AHLI PARLIMEN, AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN MAJLIS PBT
SESI PERTEMUAN MRT CORP BERSAMA PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BUKIT MALURI

PERISTIWA

19

TAHUKAH ANDA?
MRT CORP
RAPIDKL ADALAH PENGENDALI PERKHIDMATAN MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG (SBK). SEBARANG PERTANYAAN ATAU MAKLUM BALAS MENGENAI TREN MRT DAN BAS PERANTARA MRT, SILA HUBUNGI RAPIDKL.
MRT operated by rapidKL
MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG (SBK)
TALIAN BANTUAN: 03 7885 2585 010 766 4472
MYRAPIDKL | ASKRAPIDKL SUGGEST@RAPIDKL.COM.MY | WWW.MYRAPID.COM.MY

TAHUKAH ANDA?
Rapid KL adalah merupakan pengendali MRT Laluan Sungai Buloh–Kajang sepanjang 51km. Sebarang pertanyaan dan cadangan berkenaan operasi dan perkhidmatan MRT, sila hubungi Rapid KL.

TALIAN BANTUAN: +603-7885 2585
Emel: suggest@myrapidkl.com.my
Laman Sesawang: www.myrapid.com.my
Facebook: Myrapid
Twitter: @askrapidkl | @myrapidkl
Instagram: @myrapidkl

KITA BERJAYA

Detik 17 Julai 2017 akan selamanya terukir di dalam sejarah Malaysia di mana Mass Rapid Transit (MRT) Laluan Sungai Buloh-Kajang secara rasminya dilancarkan.

Setelah lebih enam tahun bekerja keras dalam pembinaan dan bekerja tanpa mengira masa, laluan sepanjang 51 kilometer, terdiri daripada 31 stesen, bermula dari barat laut ke arah tenggara Lembah Klang kini siap sepenuhnya.

Tiada perkataan yang dapat menggambarkan perasaan saya apabila Perdana Menteri kita Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dengan rasminya melancarkan MRT Laluan SBK di Stesen Tun Razak Exchange.

Waktu saya berdiri bersama para Menteri di pentas untuk mempamerkan tren kami kepada orang ramai merupakan detik kemuncak kerjaya saya.

Saya dengan yakin mengatakan bahawa semua warga kerja MRT Corp, MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, Rakan Pelaksana Projek untuk projek ini dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam projek mega infrastruktur sangat berbangga dengan pencapaian ini.

Laluan 51 kilometer kini merangkumi kedua-dua bahagian bertingkat dan bawah tanah jajaran. Kesemua tujuh stesen bawah tanah dengan pelbagai tema akan menjadi tarikan utama kepada penumpang.

Dari Stesen Merdeka dengan tema 'Kemerdekaan' yang dipaparkan di dinding melalui ukiran Rukun Negara, ke Stesen Muzium Negara yang mempamerkan gambar-gambar mod pengangkutan awam negara ini pada zaman dahulu melambangkan tema 'Peralihan', saya lihat stesen-stesen ini bukan hanya sebahagian daripada pengalaman berulang-alik tetapi juga berpotensi sebagai tarikan pelancong.

Dengan perkhidmatan yang kini dibuka sepenuhnya, Laluan SBK mempunyai perhubungan yang baik dengan perkhidmatan rel sedia ada yang lain di Lembah Klang. Malah, beberapa stesen akan mempunyai kesalinghubungan yang lancar di mana pengguna tidak perlu keluar dari sistem untuk bertukar ke perkhidmatan LRT.

Pengumuman dari Perdana Menteri tentang diskaun 50% diberikan untuk semua perkhidmatan rel di Lembah Klang sehingga 31 Ogos 2017 sudah tentunya menarik perhatian orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan ini.

Inisiatif ini akan membantu meningkatkan jumlah pengguna pengangkutan awam justeru mengurangkan jumlah kenderaan di atas jalanraya. Ini akan membantu mencapai 40% sasaran penduduk di Lembah Klang menggunakan pengangkutan awam pada tahun 2030.

Memandangkan kita sudah menutup satu bab kisah pembinaan Projek MRT, pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) kini pula sedang rancak dibina. Pada hujung bulan Jun 2017, 10.25% Laluan SSP sudah disiapkan. Kemajuan pembinaan laluan ini mengikut jadual seperti yang dirancang.

Kesemua sepuluh kontrak pakej kerja bagi pembinaan dan penyiapan jejambat bertingkat telah dianugerahkan. Sebaik sahaja kontrak dianugerahkan, kerja-kerja telah dimulakan di kawasan-kawasan tersebut.

Saya percaya dengan kejayaan Laluan SBK, Laluan SSP juga mampu menggarap kejayaan.

DATO' SRI SHAHRIL MOKHTAR

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD



MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG DILANCARKAN!



SATU detik bersejarah telah dilakar. Selepas lebih dari tujuh tahun sejak Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengumumkan Projek Mass Rapid Transit (MRT) semasa pembentangan Rancangan Malaysia ke-10 di Parlimen, MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) telah secara rasminya dilancarkan di Stesen Tun Razak Exchange pada 17 Julai 2017.

Projek MRT ini merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Nasional untuk membina sistem pengangkutan awam bersepadu di kawasan Greater Kuala Lumpur.

Majlis perasmian Laluan SBK telah dianjurkan di Stesen Tun Razak Exchange pada 17 Julai 2017. Sebelum ini, Fasa Pertama jajaran Laluan SBK merangkumi 12 stesen bertingkat meliputi jarak sepanjang 20km telah dilancarkan pada Disember 2016. Dengan perasmian ini, sebanyak 19 stesen baru dilancarkan membawa kepada sejumlah 31 stesen sepanjang 51km beroperasi.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan Menteri, pegawai kanan kerajaan dan wakil dari pelbagai pihak dan organisasi yang terlibat dalam projek MRT. Isteri kepada Perdana Menteri, Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, juga hadir di majlis tersebut.

> "31 STESEN SEPANJANG 51KM DIBUKA KEPADA ORANG RAMAI."

Menyambut tetamu di Stesen TRX ialah Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Tan Sri Dr Ali Hamsa yang juga merupakan Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Sri Shahril Mokhtar, dan barisan kepimpinan MRT Corp. Turut bersama mereka ialah para wakil dari MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd.

MRT Corp merupakan pemaju dan pemilik Projek MRT sementara MMC-Gamuda ialah Rakan Pelaksana Projek Laluan SBK.

Selepas melancarkan Laluan SBK, Najib telah mengumumkan bahawa perkhidmatan percuma diberikan untuk perkhidmatan MRT antara Stesen Muzium Negara dan Stesen MRT Kajang semasa servis bermula pada pukul 4.00 petang. Pada hari itu, beliau juga menyatakan bahawa dari 18 Julai 2017 ke 31 Ogos 2017, kesemua tambang menaiki tren di Lembah Klang diberikan diskaun sebanyak 50%.

Dalam ucapan beliau, Najib menyatakan bahawa kejayaan Projek MRT boleh menjadi contoh yang baik kepada projek-projek mega di seluruh dunia kerana ia siap lebih cepat dari jangka masa yang ditetapkan dan di bawah anggaran kos.

Selepas ucapan beliau, Perdana Menteri telah merasmikan Laluan SBK dengan meletakkan



■ **DALAM OPERASI:** Sebuah tren MRT menghala ke utara ke arah Stesen MRT Maluri.

plak berlogo MRT Corp dan Stesen TRX ke dalam konsol, yang kemudiannya menyalakan 19 stesen di Fasa Dua Laluan SBK yang dipaparkan di atas peta laluan, menandakan keseluruhan laluan dan 31 stesen telah dibuka kepada orang ramai.

Setelah selesai aktiviti rasmi di Stesen TRX, Perdana Menteri bersama tetamu yang lain telah menaiki tren MRT ke Stesen Stadium Kajang, di mana mereka turun dan terus ke Stadium Kajang yang berhampiran untuk bahagian kedua majlis pelancaran tersebut.

Di sini, beliau telah disambut oleh lebih 20,000 orang terdiri daripada kakitangan syarikat dan organisasi yang terlibat dalam Projek MRT. Pegawai kerajaan dan orang awam telah juga hadir untuk meraikan pelancaran Laluan SBK yang merupakan detik bersejarah Malaysia.

Beliau telah menyertai orang ramai untuk makan tengahari dengan hidangan makanan yang terkenal di Kajang, iaitu sate.

Perdana Menteri kemudiannya menyerahkan sijil kepada 52 peserta Program Usahawan Muda MRT II (MYEP II). Program ini merupakan kerjasama di antara Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), yang menyediakan latihan amali kepada kontraktor muda Bumiputera dan melengkapkan mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk menjadi usahawan di industri pembinaan dan industri tren.

Para peserta sama ada secara individu mahupun dalam perkongsian, telah membentuk 25 syarikat yang akan dianugerahkan 50 kontrak kerja oleh Kontraktor-Kontraktor Pakej Kerja MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP). Jumlah keseluruhan kontrak-kontrak ini bernilai RM 250 juta.

Bagi mengakhiri acara hari itu, kad MyRapid Touch 'N Go telah diberikan kepada mereka dari kategori pendapatan isi rumah B40.



■ **MENTAKRIF MASA:** Najib meletakkan plak berlogo MRT dan nama Stesen Tun Razak Exchange ke dalam konsol, yang kemudiannya menyalakan stesen-stesen baru di latar belakang menandakan pembukaan kesemua stesen MRT Laluan SBK.



■ **MERASMIKAN ACARA:** Najib menandatangani plak rasmi untuk memperingati Majlis Perasmian MRT Laluan SBK. Bersama beliau (dari kiri) ialah Ali, Zahid dan Shahril.



■ **PANDANGAN HADAPAN:** Najib melihat keluar semasa menaiki tren MRT ke Stesen MRT Stadium Kajang dari Stesen Tun Razak Exchange.



■ **SELEPAS PERJALANAN:** Najib menunjukkan papan tanda Stesen Stadium Kajang sebaik sahaja turun dari tren. Bersama beliau (dari kiri) ialah Zahid dan Menteri Pengangkutan Dato' Sri Liow Tiong Lai.



■ **BAKAL USAHAWAN:** 52 peserta MYEP II bergambar bersama selepas menerima sijil daripada Najib.



■ **SENYUMAN:** Najib (tengah) dan Zahid (empat dari kiri) bergambar dengan Barisan Kepimpinan MRT Corp di Stadium Kajang selepas Upacara Majlis Perasmian MRT Laluan SBK.



STESEN-STESEN MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG (SBK)

STESEN BERTINGKAT

Seni bina stesen-stesen bertingkat di sepanjang MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang adalah berdasarkan konsep wakaf.

Wakaf merupakan sebuah struktur binaan tradisional Malaysia yang dibina sebagai tempat berhenti dan berehat untuk pengembara. Seperti wakaf tradisional, stesen-stesen bertingkat MRT adalah terbuka membenarkan pencahayaaan semula jadi dan aliran udara yang baik.

Setiap stesen dilengkapi kemudahan seperti eskalator, lif, pusat khidmat pelanggan, mesin tiket, tanda dan bilik solat. Stesen-stesen juga dilengkapi kemudahan orang kurang upaya seperti lif dan tanjakan, panduan sentuhan dan jejalur amaran di sepanjang laluan pejalan kaki dan platform.



TEMA & REKA BENTUK 7 STESEN BAWAH TANAH

Keseluruhan tema diinspirasikan daripada Permatang Kuartza Genting Kelang, daik kuartza tulen yang ditemui di Lembah Klang. Ciri pelbagai segi kuartza dan refleksi kaleidoskopiknya secara simbolik menggambarkan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, budaya dan progresif.

Bentuk pelbagai segi kuartza diolah ke semua tujuh stesen bawah tanah Laluan SBK melalui struktur pintu bersegi, reflektif dan lutsinar.



PERALIHAN: Stesen Muzium Negara terletak di antara Muzium Negara yang bersejarah dan pembangunan KL Sentral yang kontemporari. Elemen reka bentuk stesen ini memaparkan peralihan mod pengangkutan awam dari zaman dahulu hinggalah kini.



PERTEMUAN: Terletak di pertemuan antara Sungai Gombak dan Sungai Klang, Stesen Pasar Seni menandakan tapak penubuhan Kuala Lumpur. Penggunaan elemen "Y" yang digayakan sebagai reka bentuk dalaman stesen melambangkan pertemuan. Reka bentuk stesen ini dipengaruhi oleh kekayaan sejarah dan kebudayaan Kuala Lumpur. Gabungan antara LRT, MRT dan bas perantara memudahkan dan melancarkan perjalanan orang ramai di pusat bandar.



KORPORAT ISLAMIK: Stesen ini merupakan stesen bawah tanah yang terbesar Laluan SBK. Stesen ini merupakan stesen pertukaran di antara Laluan SBK dan Laluan SSP yang akan datang. Bentuk, corak dan kemasan dalaman stesen ini memaparkan ciri-ciri interpretasi konteks tema Korporat Islamik.



DINAMIK: Terletak di persimpangan Jalan Bukit Bintang dan Jalan Sultan Ismail, Stesen Bukit Bintang memaparkan tenaga dan semangat kawasan tersebut melalui paparan dinding stesen. Warna merah terang dan juga corak yang unik memancarkan keseronokan tempat di sekitar stesen itu.



GENERASI BARU: Stesen Maluri terletak di tapak yang sedang menjalani pembaharuan bandar dengan begitu pesat yang akan merangkumi generasi baru. Ini mewujudkan peluang untuk menggunakan reka bentuk bandar bersesuaian dengan generasi baru, dengan lebih ringan dan lincah, untuk mencipta satu identiti baru dalam konteks bandar tempatan.



KEHIDUPAN BANDAR: Stesen Cochrane terletak di satu ruang plaza terbuka yang tidak diapit atau dilangkaui jalan. Pembangunan semula kawasan kediaman dan kemudahan ruang niaga di sekitar stesen memberi konteks kediaman yang lebih lembut bersesuaian dengan bentuk yang bertenaga dan warna harmoni dalam reka bentuk pintu masuk dan ruang dalaman.







KEMERDEKAAN: Stesen Merdeka memaparkan semangat kebangsaan. Stesen yang terletak di bawah Jalan Hang Jebat, bersebelahan dengan mercu tanda bersejarah iaitu Stadium Negara dan Stadium Merdeka serta pembangunan KL118 akan datang. Paparan dinding di dalam stesen digunakan untuk memperingati pengisytiharan Hari Kemerdekaan dan Rukun Negara.

8097

TEMPAT LETAK KENDERAAN


















KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA

Terdapat 8,097 kemudahan letak kenderaan disediakan di lapan fasiliti yang telah dibuka untuk pengguna MRT di beberapa stesen sepanjang MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK). Stesen MRT yang mempunyai kemudahan letak kenderaan adalah:

SUNGAI BULOH - PHILEO DAMANSARA
MALURI - TAMAN MIDAH - TAMAN SUNTEX
BANDAR TUN HUSSEIN ONN - BUKIT DUKUNG
SUNGAI JERNIH

PENGGUNA BOLEH MENIKMATI BAYARAN **RM4.30** BAGI SEKALI MASUK:

- Pengguna hendaklah menggunakan **kad Touch ´N Go sama yang digunakan untuk memasuki tempat letak kenderaan Park and Ride, dan menaiki tren dengan mengimbas kad tersebut di pintu tiket stesen MRT.**
- Apabila dalam perjalanan pulang, pengguna hendaklah memastikan **kad Touch ´N Go yang sama digunakan untuk keluar stesen, dan juga untuk keluar dari tempat letak kenderaan.**
- **Sila pastikan kad semasa perjalanan pergi dan semasa perjalanan pulang hendaklah digunakan di stesen yang sama, iaitu di stesen MRT yang berkaitan dengan kemudahan letak kenderaan.**
- Dalam perjalanan pulang, terdapat **had masa selama dua jam** sebaik sahaja pengguna keluar dari pintu tiket di stesen MRT untuk keluar dari tempat letak kenderaan "**Park and Ride**".
- Pengguna juga perlu prihatin bahawa sekiranya mereka menggunakan kad **Touch ´N Go yang sama** untuk "**Park and Ride**" untuk masuk ke pintu tiket stesen dan kemudiannya keluar dari stesen yang sama tanpa keluar dari mana-mana stesen yang lain, mereka juga akan dikenakan tambang standard letak kereta mengikut jam.

*syarat ini hanya dikenakan di stesen berikut: Sungai Buloh, Phileo Damansara, Maluri, Taman Midah, Taman Suntex, Bandar Tun Hussein Onn, Bukit Dukung dan Sungai Jernih.

Stesen **Pusat Bandar Damansara** mempunyai kadar rata iaitu **RM6.50** bagi mereka yang menggunakan perkhidmatan tren dan juga perlu menggunakan kad **Touch 'N Go** yang sama.

TIKET

Tiket-tiket berikut boleh digunakan untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK):

TOKEN PERJALANAN SEHALA (TREN MRT SAHAJA)

Token perjalanan sehala (biru) boleh dibeli di mesin tiket di semua stesen MRT Laluan SBK. Token ini hanya sah untuk perjalanan sehala pada hari ia dibeli.

TOKEN KONSESI (TREN MRT SAHAJA)

Diskaun 50% diberikan kepada warga emas, pelajar dan golongan kurang upaya (berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat). Token ini hanya boleh dibeli di Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di semua stesen. Pengguna hendaklah menunjukkan kad pengenalan mereka, kad pelajar ataupun kad OKU untuk mendapatkan diskaun. Pengguna akan diberikan token berwarna merah.

KAD TOUCH 'N GO (TREN MRT & BAS PERANTARA)

Anda boleh membeli kad **Touch´N Go** di semua Kaunter Perkhidmatan Pelanggan MRT Laluan SBK atau mana-mana Kaunter Perkhidmatan Pelanggan **Touch´N Go**. Jumlah minimum bernilai RM3.00 adalah nilai yang diperlukan oleh pengguna kad **Touch´N Go** untuk memasuki stesen.





Tambang bas perantara MRT adalah RM1.00 untuk setiap perjalanan. Anda boleh membayar tambang menggunakan wang ataupun kad **Touch´N Go**.

Anda dikehendaki untuk menunjukkan MyKad (warga emas), kad OKU (golongan kurang upaya) ataupun kad pelajar (sekiranya tidak memakai pakaian seragam) kepada kapten bas semasa menaiki bas.

Sila ambil perhatian bahawa kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun boleh menggunakan tren MRT dan bas perantara secara PERCUMA.





LATIH AMAL KECEMASAN TEROWONG MRT

RAPID Rail Sdn Bhd (Rapid Rail), pengendali MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), telah menganjurkan satu sesi latih amal kecemasan di dalam terowong MRT berhampiran dengan Stesen Tun Razak Exchange pada 25 Mei 2017 sebagai persediaan untuk pembukaan fasa kedua laluan pada 17 Julai 2017.

Selain staf Rapid Rail, warga kerja dari Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan Rakan Pelaksana Projek MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd, juga terlibat dengan sesi itu. Pelbagai agensi tindakan kecemasan seperti Pasukan Bomba dan Penyelamat, Polis, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Sungai Buloh turut menyertai sesi latihamal ini.

> **"PELBAGAI AGENSI TINDAKAN KECEMASAN SEPERTI PASUKAN BOMBA DAN PENYELAMAT, POLIS, HOSPITAL KUALA LUMPUR DAN HOSPITAL SUNGAI BULOH TURUT MENYERTAI SESI LATIH AMAL INI."**

Latih amal ini, adalah sebahagian daripada Pelan Tindakan Kecemasan yang merupakan satu keperluan wajib yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sebelum lesen pengendali dikeluarkan untuk perkhidmatan tren.

Latih amal ini melibatkan satu simulasi yang mana sebuah tren MRT yang menghala ke arah Stesen Cochrane dari TRX secara tiba-tiba tergelincir sebaik sahaja meninggalkan stesen. Kebakaran turut berlaku di lokasi.

Kira-kira 400 "penumpang", terdiri daripada ahli sukarelawan dari MRT Corp, MMC Gamuda dan Prasarana Malaysia Bhd terpaksa dipindahkan daripada tren. Mereka telah dibawa melalui laluan kecemasan untuk kembali ke Stesen TRX.

Beberapa orang penumpang telah "tercedera" dan juga dua "maut" di tempat kejadian. Mereka yang "tercedera" dan "jenazah" telah dibawa keluar oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat melalui Syaf Kecemasan 3, yang terletak di Bulatan Kampung Pandan. Syaf ini dibina untuk pemindahan kecemasan.

Mangsa yang tercedera segera dirawat oleh warga kerja hospital manakala mereka yang memerlukan rawatan segera telah dihantar ke Hospital Kuala Lumpur menaiki ambulans.

Latih amal ini dianggap berjaya dengan semua pihak telah menjalankan peranan masing-masing menurut pelan tindakan kecemasan.



MEMERLUKAN BANTUAN: Salah seorang penumpang dibantu oleh pihak BOMBA di dalam tren MRT.



TINDAKAN PANTAS: Salah seorang penumpang dialihkan dengan menggunakan pengusung dari Syaf Kecemasan 3 sebelum dibawa ke Hospital Kuala Lumpur menggunakan ambulan.



DI DALAM AMBULANS: Seorang penumpang yang "tercedera" menunggu untuk dibawa ke Hospital Kuala Lumpur untuk rawatan selanjutnya.



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PEMANDU MELAWAT MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG

KETUA Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan atau Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU) dari Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Idris Jala telah melawat Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) pada 22 Februari 2017.

Program beliau termasuk lawatan ke Pusat Kawalan Operasi laluan yang terletak di Depoh MRT Sungai Buloh dan juga menaiki tren dari Stesen MRT Sungai Buloh ke Stesen Semantan.

Pengarah Projek Laluan SBK Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Encik Marcus Karakashian telah mengetuai lawatan tersebut. Semasa lawatan, beliau juga telah disambut oleh Ketua Operasi Rapid Rail Sdn Bhd MRT Laluan SBK Tuan Haji Azmi Mohd Zain.

Rapid Rail merupakan anak syarikat kepada Prasarana Negara Bhd iaitu pengendali Laluan SBK.

Bersama beliau dalam lawatan itu ialah Pengarah NKRA Pengangkutan Awam Bandar dan NKEA Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang Encik Ziad Hafiz Abdul Razak, Pengarah Pasukan Pengurusan Program Encik Nishan MPR Veera Kumar dan beberapa pegawai PEMANDU yang lain.

PEMANDU telah memainkan peranan penting dalam pembangunan Projek MRT Lembah Klang yang merupakan salah satu Projek Pendorong Ekonomi bagi NKEA Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Semasa di Pusat Kawalan Operasi, Idris telah diberi taklimat tentang bagaimana sistem automatik operasi tren berfungsi dan ciri-ciri keselamatan bagi sistem yang digunakan. Beliau kemudiannya dibawa melihat kawasan simpanan tren di depoh.

Para delegasi kemudiannya menuju ke Stesen MRT Sungai Buloh, di mana Idris telah ditunjukkan bagaimana stesen MRT berhubung dengan perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM). Penumpang kini boleh bertukar dari satu perkhidmatan ke perkhidmatan lain dengan mudah melalui ruang legar yang sama.

Beliau kemudiannya menaiki tren MRT dan menuju ke Stesen Semantan. Sepanjang perjalanan, Karakashian menjelaskan kepada Idris tentang kepelbagaian ciri-ciri MRT dan mercu tanda menarik yang terdapat di sepanjang jajaran.

Lawatan berakhir di Stesen Semantan di mana delegasi bergambar secara berkumpulan dan setiap ahli delegasi telah diberikan cenderahati.



KEMPEN DERMA DARAH MRT

SATU kempen derma darah telah dianjurkan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) di Pusat Informasi MRT, Sri Kembangan pada 15 Mei 2017.

Kempen itu yang dianjurkan bersama dengan Rakan Pelaksana Projek MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd telah berlangsung dari pukul 10 pagi sehingga pukul 3 petang dan mendapat sambutan yang baik dari orang ramai.

Pusat Darah Negara telah menempatkan beberapa orang jururawat dan staf di Pusat Informasi MRT bagi membantu kempen tersebut.

Selain daripada makanan ringan, cenderahati MRT turut diberikan kepada 50 penderma darah pertama.

LAWATAN KERJA PENGERUSI MRT CORP

Sebelum perasmian MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK), Pengerusi Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Tan Sri Dato' Dr Ali Hamsa telah membuat satu lawatan kerja ke Stesen MRT Muzium Negara pada 29 Jun 2017.

Bermula dari Stesen KL Sentral, Ali yang juga Ketua Setiausaha Negara telah berjalan ke stesen tersebut menggunakan jejantas yang baru dibina.

Ali gembira kerana jejantas tersebut yang dibina oleh MRCB telah menyumbang kepada kesenanghubungan dari Stesen MRT Muzium Negara ke Hotel Hilton, Le Méridien dan bangunan lain di KL Sentral termasuklah Stesen KL Sentral.

Ali bersama Pengarah Projek Laluan SBK Encik Marcus Karakashian kemudiannya menaiki tren ke Stesen MRT Merdeka. Beliau meninjau stesen tersebut dan ciri-ciri stesen, termasuklah Rukun Negara dan tiang-tiang yang memaparkan lambang dan bendera 13 negeri Malaysia.

Beliau kemudiannya menaiki tren ke Stesen MRT Tun Razak Exchange (TRX) yang merupakan tapak perasmian Laluan SBK pada 17 Julai 2017.

Sebaik sahaja selesai di stesen tersebut, Ali terus ke Stesen MRT Kajang di mana beliau telah ditunjukkan ruang legar yang dikongsi bersama dengan Keretapi Tanah Melayu Bhd.

Berpuas hati dengan lawatan ini, Ali mengakhiri lawatan menggunakan pintu keluar/masuk yang baru menuju ke Jalan Reko, Kajang.



REKA BENTUK DALAMAN: Gambar kumpulan delegasi dari MRCB, MRT Corp dan MyHSR Corp di hadapan Rukun Negara yang dipaparkan di aras ruang legar Stesen MRT Merdeka.



MENIKMATI PERJALANAN: (dari kiri) Ali, Karakashian, Pengarah Urusan Kumpulan MRCB Tan Sri Mohd Salim Fateh Din dan Pengarah Eksekutif MRCB Mohd Imran Tan Sri Mohd Salim bergambar di dalam tren MRT.



DI PLATFORM: Dari kiri; Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Encik Azharuddin Mat Sah, Pengarah Projek Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Encik Marcus Karakashian dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri di aras platform Stesen MRT Merdeka.

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SPAD MELAWAT PROJEK MRT

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri YB Dato' Sri Nancy Shukri dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) Encik Mohd Azharuddin Mat Sah telah mengadakan satu lawatan rasmi ke MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) pada pagi 16 Jun 2017.

Selain pegawai dari pejabat Menteri dan SPAD, delegasi ini turut disertai oleh beberapa warga kerja dari Prasarana Malaysia Berhad dan juga Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Lawatan ini diketuai oleh Pengarah Projek MRT Sungai Buloh-Kajang Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) Encik Marcus Karakashian dan Pengarah Terowong dan Stesen Bawah Tanah Laluan SBK Encik Keith Allenby.

Lawatan ini telah dimulakan dari Ibu Pejabat SPAD yang terletak di Platinum Sentral.

Mereka kemudiannya berjalan menghala ke Stesen MRT Muzium Negara melalui laluan pejalan kaki yang menghubungkan stesen dari Platinum Sentral.

Sebaik sahaja tiba di Stesen MRT Muzium Negara, mereka meneruskan perjalanan menaiki tren dan turun di Stesen MRT Merdeka. Di sini, para delegasi telah melawat sekitar stesen.

Nancy kagum dengan dinding tumpu yang memaparkan Rukun Negara di aras ruang legar stesen.

Mereka juga ke Stesen Kajang dan Karakashian telah menunjukkan integrasi yang berkesinambungan antara perkhidmatan MRT dan KTM kepada Nancy dan Azharuddin.

Lawatan itu berakhir dengan perjalanan tren kembali ke Stesen MRT Muzium Negara.



TERKINI: Kamarul (kanan) memberi maklumat lanjut tentang Projek MRT kepada Ab Aziz.

TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN MELAWAT STESEN KAJANG

TIMBALAN Menteri Pengangkutan Datuk Ab Aziz Kaprawi melawat Stesen Kajang yang terdiri daripada stesen bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) dan perkhidmatan KTM.

Lawatan ini yang telah diadakan pada 13 Jun 2017 adalah untuk membolehkan Timbalan Menteri dan para pegawai beliau memeriksa kemajuan pembinaan stesen memandangkan operasi Fasa Kedua Laluan SBK akan bermula pada Julai 2017.

Seperti di Stesen Sungai Buloh, Stesen Kajang mempunyai aras ruang legar yang sama di mana kaunter perkhidmatan pelanggan dan mesin tiket bagi kedua-dua perkhidmatan MRT dan KTM ditempatkan.

Aras platform bagi kedua-dua perkhidmatan MRT dan KTM boleh diakses melalui aras ruang legar yang sama.

Pengurus Besar Pengurusan Projek KTM Berhad Encik Ismail Said dan Pengurus Besar Perkhidmatan Komuter Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad Encik Khair Johari Ishak telah menunjukkan kepada delegasi kemudahan yang terdapat di stesen semasa lawatan itu.

Untuk bahagian MRT di stesen, Pengarah Pembinaan Bertingkat Laluan SBK Encik Kamarul Baharim Yusoff telah memberi maklumat lanjut kepada Ab Aziz.

Sebelum mengakhiri lawatan, Ab Aziz juga sempat memeriksa kemudahan Tempat Letak Kereta Bertingkat yang terletak bersebelahan stesen.



PERSIDANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA 2017

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengadakan sebuah persidangan selama dua hari bersempena dengan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja yang jatuh pada tanggal 28 April 2017.

Dianjurkan di Pusat Latihan Mass Rapid Transit Lembah Klang, Sungai Buloh pada 27 – 28 April 2017, persidangan ini diadakan untuk melatih warga kerja MRT Corp, Kontraktor Pakej Kerja MRT, MMC-Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd (MMC-Gamuda) dan para individu dari pelbagai agensi kerajaan berkenaan sukatan keselamatan dan kesihatan di dalam industri pembinaan.

Persidangan ini telah dilancarkan oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (DOSH) Tuan Haji Omar Mat Piah.

Persidangan ini meliputi topik berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang disampaikan oleh pakar-pakar yang terlibat di dalam bidang tersebut.

Antara taklimat pada hari tersebut ialah 'Membina Negara yang Lebih Sihat dan Selamat: Adakah Kita Bersedia' oleh Pensyarah Kanan Universiti Putra Malaysia Dr Vivien How; 'Penguatkuasaan dan Mandatori dalam Keperluan Perancah' oleh Encik Mohd Khairi Kamarulzaman dari DOSH; 'Langkah Keselamatan Kerja-kerja Sementara dalam Pembinaan' oleh ahli Lembaga Jurutera Malaysia Ir Tan Yean Chin; dan ' Akta 520 CIDB dan Keperluan Standard Perancah' oleh Ketua Bahagian Keselamatan, Kesihatan dan Kualiti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Tuan Haji Sazali Che Amat.

Turut dibentangkan ialah gambaran keseluruhan Kad Laporan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja Projek MRT oleh Ketua Kuarters Pekerja, Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar MRT Corp Encik Yusof Kasiron dan pendekatan keseimbangan kad skor dalam industri pembinaan oleh Pengarah Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar MMC Gamuda Encik Steven Walton.

Topik lain termasuklah keselamatan semasa kerja perobohan, pemasangan tren, pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (OSH) dan keselamatan semasa operasi Pelancaran Gantri.

Pelatih Skim Latihan Keselamatan Pengurus Tapak Antarabangsa Encik Alan Beaty, sedang melawat Malaysia pada masa itu telah mempamerkan kepada para hadirin pelbagai kekurangan dan kelemahan jalan di Lembah Klang untuk pejalan kaki.

Persidangan yang berlangsung selama dua hari dilihat sebagai satu kejayaan dan ia membantu MRT Corp dan rakan kongsi untuk menekankan kepentingan keselamatan dalam projek kepada semua yang terlibat.



PENUMPANG MRT YANG KESEJUTA

Tarikh yang akan sentiasa diingati bagi Cik Ng Zhi Wei, 19, apabila berjaya menjadi penumpang yang kesejuta menggunakan perkhidmatan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK). Ng mencapai kejayaan ini pada pukul 10.13 pagi pada 11 Januari 2017 – 27 hari selepas pembukaan perkhidmatan Fasa Pertama antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan pada 16 Disember 2016.

Beliau mendapat kejutan mesra apabila disambut oleh Pengarah Pengurusan Tanah dan Komersial MRT Corp Dato' Haris Fadzilah Hassan bersama Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail Sdn Bhd Dato' Ir Zohari Sulaiman.

Sejurus selepas pintu tiket dibuka, Haris dan Zohari telah menghampiri Ng dan memaklumkan kepada Ng bahawa beliau merupakan penumpang yang kesejuta menggunakan perkhidmatan MRT.

Beliau telah menerima beberapa cenderahati dari MRT Corp dan Prasarana Malaysia Berhad termasuk sebuah Apple iPad yang terkini.

"Saya agak terkejut; tetapi amat gembira. Saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Rapid Rail dan MRT Corp untuk hadiah-hadiah ini. Saya sangat gembira dengan perkhidmatan MRT. Sebelum ini, ibu yang menghantar dan mengambil saya dari kolej. Sekarang saya hanya perlu menggunakan MRT dari Sungai Buloh ke Kota Damansara," kata Ng.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Operasi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) Rapid Rail Sdn Bhd Encik Muhammad Isom Azis dan Pengarah Projek MRT Corp Laluan SBK Encik Marcus Karakashian. Semasa Fasa Pertama, anggaran penumpang harian Laluan SBK ialah 15,000 penumpang.

Perkhidmatan mendapat sambutan paling baik pada hujung minggu di mana penumpang beramai-ramai mencuba perkhidmatan ini. Bilangan penumpang tertinggi yang diraih ialah sebanyak 67,000 penumpang pada Hari Krismas tahun lalu.

WAKIL KEDUTAAN ASING MELAWAT KUARTERS PEKERJA MRT



LAWATAN: Pengurus Besar Kuarters Pekerja MMC-Gamuda Kapten (R) Dr Mohd Fuad Omar (dua dari kanan) mengetuai lawatan ke Kuarters Pekerja V202 Sungai Buloh.

WAKIL dari kedutaan Bangladesh dan Indonesia telah melawat Kuarters Pekerja V202 AZSB Sdn Bhd bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) di Sungai Buloh pada 26 April 2017.

Lawatan ini telah membolehkan Kaunselor Buruh Bangladesh Encik Sayedul Islam dan Atase Pengangkutan Kedutaan Indonesia Kapten Mochamad Abduh melihat dengan mata sendiri taraf kemudahan perumahan yang disediakan oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) bagi para pekerja yang terlibat dalam pembinaan MRT Laluan SSP.

Dibina pada tahun 2012, sebanyak 11 Kuarters Pekerja telah dibina bagi menempatkan pekerja MRT Laluan SBK. Untuk MRT Laluan SSP pula, 13 Kuarters Pekerja akan dibina. Tiga daripadanya terletak di Sungai Buloh, sebuah di Cochrane manakala sembilan buah lagi akan dibina di Serdang, untuk menempatkan para pekerja bahagian selatan jajaran MRT Laluan SSP.

Mereka turut dibawa meninjau sebahagian Kuarters Pekerja. Diketuai oleh Pengurus Besar Kuarters Pekerja MMC-Gamuda Kapten (B) Dr Mohd Fuad Omar dan Pengarah Pematuhan dan Piawaian MRT Corp Tuan Syed Mahdhar Syed Hussain. Para wakil dapat melihat kemudahan dan ciri-ciri yang terdapat di Kuarters Pekerja termasuklah tahap keselamatan seperti pengimbasan cap jari dan wajah untuk mereka yang keluar dan masuk ke Kuarters Pekerja.

Tinjauan tersebut meliputi bilik rawatan, beberapa buah bilik pekerja, dapur pusat, tandas dan tempat mandi pekerja.

Lawatan tersebut berakhir dengan pemberian plak kepada wakil warga asing sebagai tanda terima kasih dari MRT Corp bersempena lawatan ke Kuarters Pekerja.



KEGEMBIRAAN: Aksi para delegasi untuk gambar berkumpulan di dalam keretapi MRT dalam perjalanan ke Stesen Semantan.

DELEGASI DARI ARAB SAUDI MELAWAT PROJEK MRT

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menganjurkan satu delegasi dari Unit Pelaksanaan dari Arab Saudi pada 18 April 2017.

Delegasi itu yang juga terdiri daripada para wakil dari PricewaterhouseCoopers (PwC) dari kedua-dua bahagian Timur Tengah dan Malaysia telah melawat Projek MRT sebagai sebahagian daripada sesi perkongsian ilmu antara Unit itu dan Unit Pelaksanaan dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.

Lawatan ini diketuai oleh Pengarah Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) Encik Marcus Karakashian yang telah bertemu dengan delegasi di Pusat Kawalan Operasi MRT yang terletak di Depoh MRT Sungai Buloh.

Karakashian telah memberi penerangan berkenaan peranan MRT Corp dan Rapid Rail Sdn Bhd, operator MRT Laluan SBK kepada para delegasi.

Depoh MRT Sungai Buloh merupakan depoh yang terbesar di Asia Tenggara.

Mereka kemudiannya menaiki bas perantara MRT dari Pusat Kawalan Operasi (OCC) ke Stesen MRT Sungai Buloh. Sebaik tiba di stesen, Karakashian menerangkan kepada para delegasi tentang integrasi yang wujud antara perkhidmatan MRT dan KTM. Ruang legar bersama telah dibina untuk perjalanan yang lancar dan mudah di antara kedua-dua perkhidmatan.

Lawatan itu diakhiri dengan perjalanan menaiki tren ke Stesen Semantan.





JEJANTAS STESEN MRT SURIAN-SUNWAY NEXIS DIBUKA SECARA RASMI

JEJANTAS pejalan kaki yang menghubungkan Stesen Surian MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang dan Sunway Nexis SOHO telah dibuka secara rasminya pada Sabtu, 13 Mei 2017.

Jejantas sepanjang 80m itu merupakan jejantas pertama yang menghubungkan stesen MRT dengan pembangunan persendirian bersebelahan yang telah siap dibina sepenuhnya dan dibuka kepada orang ramai.

Majlis pelancaran ringkas telah diadakan di pintu masuk ke jejantas di Sunway Nexis, dengan wakil dari Sunway Group, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Badan Pengurusan Bersama Sunway Nexis dan tetamu jemputan lain.

Pembinaan jejantas ini telah dilaksanakan oleh Sunway PKNS Sdn Bhd, pemaju Sunway Nexis. Pelancaran itu telah dirasmikan dengan acara meletupkan belon dan memotong kek berbentuk tren MRT. Pengarah Projek, Pengurusan Projek Sunway PKNS Encik Adly Sham dan Timbalan Pengurus Besar Komunikasi Strategik dan Hal Ehwal Pihak Berkepentingan Encik Leong Shen-Li telah menyampaikan ucapan.

Sempena pembukaan jejantas, Sunway Nexis telah mengadakan bazar hujung minggu yang dianjurkan oleh Caring Moms. Majlis ini juga diadakan bersempena dengan sambutan Hari Ibu.

Jejantas yang dibuka itu menghubungkan Pintu Masuk B Stesen Surian dengan Aras Satu Sunway Nexis. Bersempena dengan pembukaan jejantas itu, Sunway Nexis turut menyediakan tempat letak kereta bagi penumpang MRT sebagai kemudahan letak kereta.



MRT: Najib menekankan tentang usaha Projek MRT dalam menggiatkan penglibatan bumiputera semasa pelancaran Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0.

PAMERAN MEMACU AGENDA BUMIPUTERA 2017

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mengambil bahagian dalam satu pameran yang diadakan bersempena dengan Konvensyen Memacu Agenda Bumiputera 2017 yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 18 dan 19 April 2017. Pameran ini memberi peluang kepada MRT Corp untuk mempamerkan Agenda Bumiputera bagi Projek MRT Lembah Klang.

Semasa pameran ini, Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 telah diumumkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Hala tuju ini menerangkan program dimensi strategik bagi syarikat dan individu Bumiputera dalam usaha untuk mengukuhkan penyertaan ekonomi masyarakat.

Dalam ucapan beliau, Najib menekankan inisiatif "Carve Out & Compete" di mana sekurang-kurangnya 40% hingga 50% nilai kontrak, pembekal atau peluang perniagaan dalam projek mega akan diberikan kepada syarikat Bumiputera.

Beliau mengenalpasti Projek MRT Lembah Klang sebagai satu contoh kejayaan pelaksanaan inisiatif di mana 51% kontrak pakej kerja bagi MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang telah dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera. Selain daripada itu, MRT Corp juga telah menetapkan contoh yang baik dengan menganugerahkan sebanyak 50% ruang niaga di stesen Laluan SBK kepada usahawan Bumiputera.

Bersempena dengan pameran ini, MRT Corp meletakkan Trak Informasi di dalam dewan pameran agar pelawat dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang projek MRT Lembah Klang dan Agenda Bumiputera.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar dan Ketua Pegawai Kewangan Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid sempat melawat trak. Turut bersama di trak ialah para individu dari Program Keusahawanan Muda MRT II (MYEP II).

MRT LALUAN SUNGAI BULOH-SERDANG-PUTRAJAYA

KEMAJUAN PROJEK

SUNGAI BULOH
KAMPUNG SELAMAT
KWASA DAMANSARA
DEPOH SUNGAI BULOH
S01 DAMANSARA DAMAI
S02 DAMANSARA WEST
S03 DAMANSARA EAST
S04 KEPONG SENTRAL
S05 METRO PRIMA
S06 KEPONG BARU
S07 JINJANG
S08 SRI DELIMA
S09 KAMPUNG BATU
S10 KENTOMEN
S11 JALAN IPOH
S12 SENTUL WEST
S13 TITIWANGSA
S14 HOSPITAL KUALA LUMPUR
S15 KAMPUNG BARU NORTH
S16 AMPANG PARK
S17 KLCC EAST
S18 CONLAY
S19 TUN RAZAK EXCHANGE
S20 CHAN SOW LIN
S21 BANDAR MALAYSIA NORTH
S22 BANDAR MALAYSIA SOUTH
HSR
S23 KUCHAI LAMA
S24 TAMAN NAGA EMAS
S25 SG BESI
S26 SERDANG RAYA NORTH
S27 SERDANG RAYA SOUTH
S28 SERI KEMBANGAN
S29 UPM
S31 EQUINE PARK
S32 TAMAN PUTRA PERMAI
S33 16 SIERRA
S34 CYBERJAYA NORTH
S35 CYBERJAYA CITY CENTRE
S36 PUTRAJAYA SENTRAL
DEPOH SERDANG

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15 16 17 18 19 20 21 22

PETUNJUK

LALUAN BERTINGKAT



LALUAN BAWAH TANAH



TEMPAT LETAK KERETA



STESEN PERTUKARAN DENGAN RAPID KL



STESEN PERTUKARAN DENGAN KLIA TRANSIT



STESEN PERTUKARAN DENGAN KTM KOMUTER



STESEN PERTUKARAN DENGAN KERETAPI BERKELAJUAN TINGGI KUALA LUMPUR-SINGAPURA



1



Pembinaan tiang sedang dijalankan di bahagian utara Laluan SSP.

2



Pembinaan tiang sedang dijalankan di tapak Stesen MRT Damansara Damai.

3



Kerja-kerja pemaliman dan mengesan utiliti di tapak Stesen MRT Sri Damansara West di Jalan Kuala Selangor.

4



Pembinaan tiang sedang dijalankan di tapak Stesen MRT Sri Damansara East.

5



Blok Kentledge untuk Ujian Beban Kekal (MLT) di tapak Stesen MRT Kepong Sentral.

6



Kerja-kerja cerucuk gerek di tapak Stesen MRT Metro Prima.

7



Kerja-kerja cerucuk gerek dan pembinaan tukup cerucuk di tapak Stesen MRT Kepong Sentral.

8



Pembinaan tiang di tapak Stesen MRT Jinjang.

9



Kerja-kerja tukup cerucuk sedang dijalankan di tapak Stesen MRT Seri Delima.

10



Pembinaan tiang di tapak Stesen MRT Kampung Batu.

11



Lencongan jalanraya di Jalan Sultan Azlan Shah untuk pembinaan Stesen MRT Sentul West.

12



Asas loji penyejuk sedang dibina di tapak Stesen MRT Titiwangsa.

13



Pembinaan dinding diafragma sedang dijalankan di tapak Stesen MRT Ampang Park.

14



Persediaan tapak dan persiapan silo di tapak Stesen MRT KLCC.

15



Kerja-kerja cerucuk gerek sekan di tapak Stesen MRT Conlay.

16



Kerja-kerja persediaan di tapak Stesen MRT Chan Sow Lin.

17



Kerja-kerja ekskavasi kotak stesen di tapak Stesen MRT Bandar Malaysia North.

18



Kerja-kerja cerucuk gerek yang sedang dijalankan berdekatan dengan Selangor Turf Club.

19



Kerja-kerja cerucuk gerek sedang dijalankan di tapak Stesen MRT Equine Park.

20



Pelan Pengurusan Trafik dilaksanakan di tapak Stesen MRT Taman Putra Permai.

21



Kerja-kerja pembersihan tapak sedang dijalankan di tapak Stesen MRT Cyberjaya City Centre di Persiaran APEC.

22



Kerja-kerja tukup cerucuk sedang dijalankan di tapak Stesen MRT Putrajaya Sentral.



SESI TAKLIMAT MRT LALUAN SSP UNTUK PARA AHLI PARLIMEN, AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN MAJLIS PBT

SATU sesi taklimat kemajuan Projek MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang- Putrajaya (SSP) telah dianjurkan untuk beberapa Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 23 Mei 2017 oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan MMC-Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, sebagai rakan pelaksana projek di Pusat Latihan MRT Lembah Klang Sungai Buloh.

Antara mereka yang hadir ialah Tuan Chua Tian Chang (Ahli Parlimen Batu), Dr Tan Seng Giaw (Ahli Parlimen Kepong), Cik Elizabeth Wong (ADUN Bukit Lanjan), Puan Noor Hanim Ismail (ADUN Seri Serdang) dan Tuan Sivarasa K. Rasiah (Ahli Parlimen Subang).

Pengarah Projek Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris telah menerangkan tentang kemajuan penyiapan keseluruhan projek. Amiruddin menyatakan bahawa lapan Mesin Pengorek Terowong (TBM) sedang dibaikpulih untuk digunakan.

> "TBM TERSEBUT DIGUNAKAN UNTUK MRT LALUAN SUNGAI BULOH-KAJANG DAN AKAN DIGUNAKAN UNTUK LALUAN SSP SELEPAS DIBAIKPULIH."

Sebelum ini, TBM tersebut digunakan untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang dan akan digunakan untuk Laluan SSP selepas dibaikpulih. Sebanyak empat daripada TBM akan dilancarkan untuk kerja-kerja terowong pada suku pertama tahun hadapan. Sebanyak 12 TBM akan digunakan untuk menggali terowong, dengan lapan yang telah dibaikpulih dan empat yang baru yang sedang diperoleh oleh Kontraktor Pakej Kerja Laluan SSP MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd.

Para hadirin turut disertai pihak media yang dibawa untuk meninjau ke tapak Stesen MRT Prima Damansara yang akan datang. Di sini, mereka telah diberi penerangan oleh Pengurus Pembinaan MMC-Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd Encik Danny Tan dan juga Pengurus Keselamatan Sunway Group Berhad Encik Ruslan Anwar.

Taklimat ini diakhiri dengan sidang akhbar sebaik sahaja kembali ke pusat latihan sebelum para hadirin bersurai untuk makan tengah hari.



SESI PERTEMUAN MRT CORP BERSAMA PERSATUAN PENDUDUK TAMAN BUKIT MALURI

MASS Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mengadakan sesi pertemuan bersama dengan penduduk Taman Bukit Maluri di dewan serbaguna persatuan penduduk pada 12 Januari 2017.

Sesi pertemuan ini telah diminta oleh Encik Ng Kok Piew, Presiden Persatuan Penduduk Taman Bukit Maluri (RA) melalui emel kepada MRT Corp.

Selain daripada warga kerja MRT Corp, wakil daripada MMC-Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd, Rakan Pelaksana Projek juga turut hadir pada sesi tersebut.

Taman Bukit Maluri pada mulanya tidak termasuk dalam pelan pertemuan bersama pihak berkepentingan MRT Corp yang dibuat oleh MRT Corp dan MMC-Gamuda kerana kawasan perumahan tersebut terletak jauh daripada jajaran MRT.

Namun begitu, Ng mahukan sesi pertemuan, yang mana membolehkan penduduk mendengar sendiri perkembangan terbaru projek MRT dari MRT Corp dan PDP.

Seramai 30 orang penduduk bersama dengan ahli RA hadir pada sesi tersebut.

Dalam ucapan pembukaan beliau, Ng mengucapkan terima kasih kepada pihak MRT Corp dan MMC-Gamuda kerana mengadakan sesi tersebut bersama dengan Persatuan Penduduk, sambil memberitahu bahawa beliau mendapat tahu tentang pertemuan dengan pihak berkepentingan melalui edisi lepas MRT News, yang membuatkan beliau meminta satu sesi pertemuan diadakan untuk Taman Bukit Maluri.

Taman Bukit Maluri adalah kawasan perumahan yang terletak di Kepong, di antara Bandar Menjalara dan Kepong Baru.

Pada sesi pertemuan, para penduduk menyatakan sokongan mereka terhadap Projek MRT.

Walaupun MRT Laluan Sungai Buloh - Serdang - Putrajaya (SSP) tidak melalui Taman Bukit Maluri, kawasan tersebut dapat menggunakan perkhidmatan bas perantara apabila Laluan SSP beroperasi.

Dua stesen MRT, iaitu S03 (Sri Damansara East) dan S04 (Kepong Sentral), terletak berdekatan dengan Taman Bukit Maluri.

Selain daripada itu, para penduduk turut bertanya tentang pelan pengurusan trafik memandangkan penutupan jalan dan lencongan berkemungkinan melibatkan mereka yang keluar masuk dari kawasan perumahan tersebut.

Para penduduk berharap perhubungan erat ini dapat diteruskan dengan kontraktor berwajib, MRT Corp dan PDP sepanjang pembinaan MRT Laluan SSP.

PERISTIWA



PENGUJIAN: : Ketua Unit Kurang Upaya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) Dr Ruzita Mohd Amin mencuba tanjakan bas perantara MRT semasa audit Jawatankuasa Pengangkutan Majlis Kebangsaan Untuk Orang Kurang Upaya pada 28 September 2016.



SENYUMAN MESRA: Delegasi dari United Kingdom Malaysia Urban Scoping Workshop melawat Stesen Cochrane pada 23 Februari 2017.



WAKTU CERIA: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd telah menganjurkan majlis berbuka puasa dengan pihak media pada 21 Jun 2017.



PENGALAMAN SECARA LANGSUNG: Kumpulan Penyokong Pengangkutan Awam Darat Muda mendapat peluang untuk melihat sendiri lokasi penyelenggaraan tren semasa lawatan pada 22 Mac 2017.



SOLAT: Para pekerja menunaikan solat Maghrib selepas berbuka puasa di Kuarters Pekerja, Sungai Buloh pada 8 Jun 2017.



PELAWAT KEHORMAT: Ketua Setiausaha Kerajaan Tan Sri Dr Ali Hamsa (dua dari kiri) di reruai Projek MRT Lembah Klang di Seminar ITS dan Pameran 2017.




PARA PELAJAR: : Pelajar dari Universitas Negeri Padang, Indonesia melawat Ibu Pejabat Korporat Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) pada 4 Mei 2017.



MAKLUMAT: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd telah menyertai Program Negaraku @ Komuniti Peringkat Wilayah Persekutuan dan Putrajaya pada 13 Mei 2017.

PETA TRANSIT
REL LEMBAH KLANG



* Apabila operasi bermula pada tahun 2021, Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (Laluan SSP) akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini bererti bilangan stesen bagi Laluan SSP adalah 40 stesen termasuk Stesen Kwasa Damansara, Stesen Kampung Selamat dan Stesen Sungai Buloh yang dibina di bawah MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan SBK). Sehubungan itu, Laluan SBK juga akan bermula dari Stesen Kwasa Damansara. Ini akan mengurangkan bilangan stesen Laluan SBK daripada 31 ke 29 stesen.